

# Ketua Jabatan diarah keluarkan buku panduan

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan setiap ketua jabatan mengeluarkan buku panduan atau peraturan lengkap (checking list system) kepada setiap kakitangan awam agar mereka dapat menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan.

Berlandaskan sistem ini, setiap kakitangan baru akan diwajibkan mengkaji buku panduan itu dalam masa 24 jam dan perlu memahami selok-belok pentadbiran tanpa menghadapi masalah besar.

Bagi memastikan konsep ini difahami dan dilaksanakan sepenuhnya dalam masa setahun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi akan bermesyuarat dengan ke-

tua-ketua jabatan, pertengahan bulan ini.

Mesyuarat itu akan menjelaskan matlamat sistem itu dan mengetahui masalah-masalah yang berbangkit jika sistem itu dilaksanakan di semua jabatan kerajaan.

Sistem ini diperkenalkan sebagai sebahagian dari kempen Kepemimpinan Melalui Teladan untuk mempertingkatkan kelicinan, pentadbiran dan meninggikan pengeluaran negara, kata Datuk Abdullah, ketika ditemui selepas merasmikan persidangan tahunan ke-VII Persatuan Bekas Perajurit Wilayah Persekutuan.

Katanya, disebabkan peraturan dan cara bekerja adalah berbeza antara satu jabatan dengan yang lain, ketua-ketua jabatan perlu mengemukakan cadangan kepada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (Mampu)

supaya Mampu dapat mengatur satu panduan lengkap dan mudah difahami matlamatnya.

"Sebagai contoh, seorang pegawai yang baru bertugas di pejabat tanah, perlu diberi buku panduan itu supaya ia tahu apa yang perlu dibuat selepas memproses setiap permohonan," katanya.

Selepas pegawai itu memprosesnya, ia perlu dihantar kepada Pegawai Daerah, kemudian kepada Jabatan Tanah atau Exco Negeri. Pendek kata, mereka perlu mengetahui peraturan itu meskipun baru bertugas di tempat itu," tegasnya.

Menurutnya, buku panduan seperti itu belum ada di jabatan-jabatan kerajaan menyebabkan kakitangan atau pegawai-pegawai yang baru bertukar tertanya-tanya apa yang perlu dibuat, dan ini menimbul-

● Muka 2 Ruang 1

# Mampu diberi tugas berat

## ● Dari Muka 1

kan masalah kelicinan pentadbiran.

"Dengan sistem ini, ia sudah tentu dapat mempercepat kerja memproses itu tanpa ragu-ragu kerana cara-cara telah diterangkan dengan jelas dalam buku itu," tambah beliau.

Datuk Abdullah menerangkan, Mampu diberi tugas berat dari segi pelaksanaan sistem itu supaya usaha-usaha kerajaan untuk mempertingkatkan pengeluaran negara akan terlaksana.

Beliau tidak dapat menjelaskan bila sistem itu dapat dilaksanakan kerana katanya: "Amat sukar untuk menganggar bila sistem itu dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana kakitangan kerajaan keseluruhannya lebih dari 900,000 orang."

Tetapi katanya, pelaksanaannya akan hanya dapat diketahui secara positif selepas mesyuarat dengan ketua-ketua jabatan pertengahan bulan ini.

"Kerajaan akan berusaha melaksanakan sistem itu berperingkat-peringkat," ujarnya.

Ketika merasmikan mesyuarat itu, Datuk Abdullah selaku penaung persatuan itu menyeru anggota persatuan itu supaya memasarkan barang-barang keluaran kampung.